

Namibia tawar peluang kepada pelabur Malaysia

BA - 16 April 2003

NAMIBIA mempelawa sektor swasta Malaysia merebut peluang pelaburan di negara itu yang dibuka seluas-luasnya dan pada bila-bila masa saja.

Tawaran itu dinyatakan Presiden-nya Dr Sam Nujoma dalam pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri- Dr Mahathir Mohamad pada waktu rehat sesi Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID)-Global 2003.

Pertemuan setengah jam itu turut dihadiri Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, Dr Mahathir berkata sebelum ini Malaysia memang mempunyai banyak rancangan pelaburan di Namibia, tetapi terpaksa menangguhkannya berikutan krisis kewangan.

“Tetapi keadaan sekarang semakin baik dan kita akan kembali ke Namibia bagi meneroka peluang pelaburan di negara itu termasuk dalam sektor perlombongan berlian dan tembaga, perikanan serta pertanian,” katanya.

Dr Mahathir berkata, syarikat Malaysia, Ramatex Bhd sudah pun melabur dalam industri tekstil di negara itu dan akan mengembangkannya lagi.

“Menjelang akhir tahun ini, syarikat itu dijangka mengambil 10,000 pekerja,” katanya sambil meminta syarikat lain merebut peluang itu.

Nujoma pula berharap kerjasama kedua-dua negara dapat ditingkatkan, terutama menerusi dialog berkenaan.

Beliau juga menghargai pelaburan Ramatex di negara itu dengan kilang tekstil yang dikatakan paling besar di selatan Afrika. Setakat ini, syarikat itu melabur AS\$M100 juta dalam industri tekstil di Namibia dan mewujudkan 6,000 peluang pekerjaan.
